



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

KENYATAAN MEDIA

PELANTIKAN SYARIKAT-SYARIKAT BAHARU BAGI MELAKSANAKAN PERKHIDMATAN PUSAT PEMERIKSAAN KENDERAAN MOTOR (PPKM) TUKAR HAK MILIK BAGI KENDERAAN PERSENDIRIAN (M.V.15)

1. Susulan daripada isu kesesakan yang berlaku di PUSPAKOM, Kementerian Pengangkutan (MOT) telah mengambil inisiatif baharu untuk memperkenalkan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) tambahan khusus untuk Pemeriksaan Tukar Hak Milik (M.V.15) bagi **kenderaan persendirian sahaja**.
2. Pelantikan PPKM khusus dengan fungsi khusus bagi pemeriksaan M.V.15 ini adalah salah satu usaha MOT untuk menambah penawaran perkhidmatan pemeriksaan tukar hak milik kenderaan dalam pasaran, dan mengurangkan kesesakan di PPKM sedia ada.
3. Inisiatif ini dijangka akan memudahkan orang awam untuk mendapatkan perkhidmatan pemeriksaan tukar hak milik kenderaan tanpa perlu bersesak di PPKM sedia ada yang turut melaksanakan pemeriksaan berkala kenderaan berat.
4. Pelantikan ini dibuat selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemah Menteri pada 17 Mac 2023 yang telah bersetuju untuk membuka perkhidmatan pemeriksaan kenderaan motor yang diwajibkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] kepada syarikat-syarikat lain yang berkelayakan.
5. Pada peringkat permulaan, tujuh (7) syarikat telah ditawarkan untuk melaksanakan perkhidmatan ini di seluruh negara. Ini mengambil kira komitmen dan ketersediaan syarikat dalam melaksanakan dasar baharu ini. Sebanyak Empat (4) syarikat yang telah menerima tawaran bagi melaksanakan perkhidmatan tersebut adalah:-
 - i) Carro Technology Sdn. Bhd.;
 - ii) Carsome Academy Sdn. Bhd.;



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

- iii) Wawasan Bintang Sdn. Bhd.; dan
- iv) Beriman Gold Sdn. Bhd.

6. Untuk makluman, tawaran ini merupakan kelulusan bersyarat yang mana syarikat ini perlu mematuhi semua syarat di dalam **Garis Panduan Pemberian Lesen Pengoperasian Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) Bagi Melaksanakan Pemeriksaan Tukar Milik (M.V.15) Kenderaan Motor Persendirian**. Antara syarat-syarat utama adalah seperti berikut:

- (i) Keupayaan syarikat yang kukuh dengan modal berbayar minimum RM1 juta, berstatus Sendirian Berhad dan pemilikan tempatan;
- (ii) Mengemukakan cadangan lokasi untuk pertimbangan tertakluk kepada kelulusan MOT/JPJ;
- (iii) Menyediakan infrastruktur yang merangkumi pembangunan premis, perolehan peralatan pemeriksaan, integrasi dengan sistem MySIKAP dan keperluan untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa berkaitan; dan
- (iv) Memastikan Pemeriksa Kenderaan Motor (PKM) mendapat pentauliahan kompetensi oleh pihak JPJ sebelum boleh memulakan tugas.

7. Memandangkan ada di antara syarikat yang ditawarkan ini turut menjalankan aktiviti lain seperti jual beli kenderaan terpakai, pihak syarikat disyaratkan untuk menyediakan ruangan/lorong pemeriksaan serta kakitangan khas bagi tujuan pengoperasian PPKM M.V.15 tertakluk kepada standard **ISO/IEC 17020:2012 Conformity Assessment Requirements for the Operation of Various Types of Bodies Performing Inspection**.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

8. Kelulusan bersyarat yang diberikan adalah bagi tempoh 12 bulan untuk pihak syarikat membuat persediaan berdasarkan syarat yang ditetapkan di dalam Garis Panduan tersebut. Dalam tempoh ini juga, JPJ akan melaksanakan pemantauan berterusan dan Lesen Operasi hanya akan diberikan setelah syarikat berkenaan memenuhi kesemua keperluan peraturan dan kelengkapan peralatan serta bersedia untuk memulakan operasi.

9. MOT ingin menegaskan bahawa pembukaan lebih banyak PPKM bertujuan untuk meningkatkan persaingan sihat dan memastikan pemeriksaan kenderaan yang lebih berkualiti demi keselamatan pengguna jalan raya.

10. Perluasan PPKM ini juga seiring dengan dasar Perkhidmatan Pemeriksaan Kenderaan semasa, di mana Kerajaan telah beralih daripada sistem konsesi pemain tunggal kepada sistem pelesenan berbilang pemain.

Sekian, terima kasih.

MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

16 Julai, 2025

-TAMAT-

MENGENAI MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berasaskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

PERTANYAAN MEDIA

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pengangkutan

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
E-mel unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

